

UMSLinks Holding dan SEGi College meterai MoU

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

45 17-12-2011 85

KOTA KINABALU: Satu perjanjian persefahaman (MoU) telah dimeterai di antara UMSLinks Holding Sdn Bhd dan SEGi College (Subang Jaya) Sdn Bhd pada malam Khamis lalu.

Pengerusi Kumpulan UMSLinks Holding, Datuk KY Mustafa berkata tujuan MoU diadakan adalah untuk mewujudkan satu program diploma 'Early Childhood Education Programme' (DECE).

Katanya, program itu direka khas untuk pelajar agar memenuhi syarat dan cabaran dalam profesion pengajaran di peringkat kejururawatan dan prasekolah untuk awam serta persendirian.

"Ini juga akan melengkapkan sasaran dikehendaki oleh kerajaan yang ingin memastikan semua guru mempunyai



TANDATANGAN... Jamaludin (dua kiri) dan Mustafa (dua kanan) menandatangani dokumen MoU pada majlis itu.

segulung ijazah sarjana dan sekurang-kurangnya mempunyai diploma untuk mengajar di sekolah-sekolah persendirian.

"Program diploma ini juga menyediakan peluang yang baik kepada mereka yang bergelar bukan graduan memasuki bidang pengajaran dengan latar

belakang yang kukuh," katanya ketika berucap pada majlis pemeteraian perjanjian berkenaan.

Menurut KY Mustafa, sekarang ini adalah masa yang sesuai bagi kedua-dua pihak bekerjasama dalam menawarkan program DECE di Sabah.

Beliau berharap dengan

kerjasama itu kedua-dua organisasi dapat mencapai objektif dan misi mereka selaras dengan polisi dan halatuju Kementerian Pelajaran.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar) SEGi College Subang Jaya, Dato' Prof Dr Jamaludin Mohaiadin.